

RESOLUSI MESYUARAT JTJAD 2006

Isu pencemaran sumber air merupakan satu isu yang memberi kesan yang besar kepada kesejahteraan rakyat dan negara. Ini diburukkan lagi dengan pelaksanaan pembangunan yang tidak mengambil kira aspek pemuliharaan sumber air. Tumpuan dan tindakan bersepadu perlu bagi memastikan terdapat keseimbangan diantara pembangunan dan pemuliharaan sumber air.

Oleh yang demikian, mesyuarat JTJAD 2006 mencadangkan diwujudkan satu system pengurusan kawalan kualiti di setiap loji bagi memastikan peningkatan kecekapan, kualiti dan mengurangkan pencemaran serta meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Perkara ini dapat dicapai dengan mengambil pendekatan antara lain seperti berikut:-

- i) Penggunaan teknologi mesra alam dalam pembinaan dan kerja-kerja menaiktaraf loji;**
- ii) Mengambil pendekatan terkini dalam memilih peralatan loji dan pam bagi memastikan kecekapan dalam semua aspek termasuk penggunaan bahan kimia dan;**
- iii) Menguruskan sisa pepejal loji secara mapan dengan menggunakan pendekatan kitar semula.**

Bagi membantu pihak berkuasa air untuk mencapai pendekatan yang holistik dalam pengurusan sumber air dan melaksanakan pendekatan yang telah dikenalpasti, maka perlulah adanya satu badan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan sumber air yang melibatkan aspek pengawasan, penguatkuasaan dan pendidikan.